



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2009/10**

NAMA MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG PEMBINAAN

KOD MATAPELAJARAN : BPD 2032

KURSUS : 2 BPC

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2010

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : BAHAGIAN A
JAWAB **SEMUA** SOALAN

BAHAGIAN B
JAWAB **TIGA (3)** SOALAN SAHAJA
DARIPADA EMPAT(4) SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (25 markah)

- S1 (a) Nyatakan ciri-ciri yang perlu ada supaya suatu ikatan kontrak itu menjadi ikatan kontrak yang sah di sisi undang-undang. (5 markah)
- (b) Nyatakan kebaikan dan keburukan penggunaan Borang Kontrak Setara/Piawai dalam kontrak pembinaan. (5 markah)
- (c) Senaraikan dokumen-dokumen yang merupakan sebahagian daripada kontrak sepertimana dinyatakan dalam Perkara Perjanjian, Borang kontrak Setara PAM 1998 dan JKR 203 (Pin 2007). (5 markah)
- (d) Nyatakan tujuan dan fungsi undang-undang tort. (5 markah)
- (e) Nyatakan salah satu dari kesalahan yang boleh dicaj sebagai kesalahan di bawah undang-undang tort berserta contoh kes yang berkaitan. (5 markah)

BAHAGIAN B (75 markah)

S2 Dalam melaksanakan kontrak binaan, pegawai penguasa adalah orang yang bertanggungjawab sepanjang pelaksanaan kontrak sesuatu projek. Nyatakan dengan terperinci tugas dan tanggungjawab Pegawai Penguasa sepertimana dinyatakan di dalam Syarat-syarat kontrak Borang kontrak JKR 203 (rev 2007) dan PAM 1998.

(25 markah)

S3 Syarikat Senang Hati Sdn Bhd telah dipilih untuk melaksanakan projek pembinaan Kompleks Akademik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan menggunakan Borang Kontrak Setara JKR 203 (Pin 2007). Anda bekerja dengan universiti dan bertindak sebagai Pengurus Projek bagi projek ini. Kontraktor telah menunjukkan prestasi kerja yang tidak memuaskan dan kelewatannya menjangkau sehingga dua puluh peratus (20%). Pegawai Penguasa telah mengambil keputusan supaya kontrak bagi projek ini ditamatkan.

Bincangkan tindakan segera yang perlu anda ambil sebagai seorang Pengurus Projek apabila notis penamatan kontrak dikeluarkan.

(25 markah)

S4 Kes mahkamah antara *Steven Phoa Cheng Loon & 72 Others (Plaintif) melawan Highland Properties Sdn. Bhd & 9 Others (Defendan)* yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1996 merupakan kes yang popular dalam industri pembinaan di Malaysia. Dalam kes ini, terdapat beberapa kesalahan / kecuaiian yang telah dilakukan oleh pihak-pihak yang terbabit (defendan).

Huraikan kesalahan / kecuaiian tersebut berserta kes rujukan yang digunakan dalam penghujahan kes ini.

(25 markah)

S5 (a) Apakah yang ditafsirkan sebagai “tanah” sepertimana yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara 1965.
b) Huraikan secara ringkas proses ‘pengambilan balik tanah’ mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960.

(25 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT